

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
PERHIMPUNAN KORPORAT SERTA
MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN DAN
IKRAR KUALITI
9 JULAI 2013 (SELASA)
JAM 8.30 PAGI
DI HADAPAN PINTU MASUK
LOBI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Majlis Memperbaharui Ikrar dan Perhimpunan Korporat.

Terlebih dahulu, ingin saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengalu-alukan kehadiran para barisan Ahli Majlis MPSP yang baru dilantik pada 1 Julai yang lalu dan semoga kita dapat bekerjasama untuk memajukan dan meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita sebagai sebuah PBT bukan sahaja rapat dan dekat dengan rakyat malah PBT sentiasa menjadi agenda Kerajaan dalam mendampingi penduduk. Oleh itu, sebagai kakitangan MPSP, kita perlu menyumbang khidmat kepada kehidupan penduduk Seberang Perai secara keseluruhannya dan memasti mempunyai budaya kerja yang berprestasi tinggi, sentiasa memperkukuhkan integriti dalam pembudayaan kerja yang mengutamakan disiplin, kecekapan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan PBT yang mesra. Mendepani kehendak pelanggan dan penduduk yang semakin meningkat dan mencabar pada masa kini, tuan-tuan dan puan-puan mestilah yang boleh “berfikir” dan apabila menyebut “boleh berfikir”, ia bukanlah berfikiran biasa tetapi lebih kepada fikiran yang melangkaui kebiasaan. Kadang kala kita perlu berfikir di luar kotak pemikiran biasa (*think out of the box*) ataupun berfikir tanpa kotak (*think without box*) bagi mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada.

Pada zaman ini, kakitangan PBT tidak boleh lari dari berhadapan dengan cabaran-cabaran sama ada dari dalam ataupun luar. Cabaran sebegini hanya mampu ditangani oleh penjawat awam yang bermoral dan beretika, serta teguh berpegang kepada nilai agama, mempunyai jati diri yang tinggi, berfikiran luas,

berani, yakin, bijaksana dan dinamik. Sifat-sifat sebegini perlu ada pada kita semua kerana kita bukan sahaja perlu bijak dalam menganalisis sesuatu masalah sedia ada, tetapi pada masa sama dapat mengenal pasti dan menjangka pelbagai masalah yang bakal timbul lalu membina pendekatan ke arah penyelesaian masalah tersebut.

Demi mewujudkan sebuah PBT bertaraf dunia, saya dan Tuan Setiausaha Perbandaran mengalu-alukan apa jua pandangan, cadangan penambahbaikan daripada tuan-tuan dan puan-puan demi kebaikan semua dan juga kepada penduduk Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk makluman semua kakitangan, pada 6 Julai 2013 yang lalu, sempena dengan sambutan Hari Majlis ke-39/2013, satu sesi dialog bajet 2014 MPSP telah diadakan. Hasil daripada kajian pelanggan dan sesi dialog yang diadakan menunjukkan “Perkhidmatan Kebersihan” mencapai tahap keutamaan yang paling tinggi iaitu 41%, diikuti dengan “Keselamatan & Lalulintas” yang mencapai 15%, “Penguatkuasaan Undang-Undang” dengan tahap keutamaan sebanyak 12%, “Kawalan Banjir” sebanyak 10%. Kemudahan awam, Pengindahan & kehijauan, Penglibatan Komuniti masing-masing mencapai tahap keutamaan sebanyak 9%, 8% dan 5%.

Dalam kesemua perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP, Kebersihan mencapai tahap keutamaan yang paling tinggi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat mahu melihat Seberang Perai menjadi lebih bersih. Sistem demokrasi memberi pandangan yang diamalkan oleh MPSP adalah untuk mengajak seluruh penduduk Seberang Perai bersama MPSP untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang termasuk Seberang Perai sebagai sebuah bandar yang selesa didiami. Ini jelas sekali mereka mahu Seberang Perai menjadi lebih

bersih dan kehendak penduduk juga adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang *Cleaner, Greener, Safer & Healthier*.

Oleh itu, semua kakitangan harus bekerja dengan lebih gigih dalam membantu MPSP memperkukuhkan kedudukan kewangan. Setiap kakitangan mempunyai peranan masing-masing dalam menjana pendapatan untuk MPSP. Setiap proses kerja harus dipercepatkan dan tidak melambat-lambatkan urusan orang ramai yang boleh mendatangkan hasil kepada Majlis. Makluman semua, gaji kakitangan awam yang pada masa kini adalah jauh lebih baik berbanding gaji di sektor swasta. Justeru kualiti, produktiviti kerja haruslah dipertingkatkan sejajar dengan kenaikan tersebut.

Sekarang, stakeholders telah bersedia untuk berkerjasama dengan Majlis. Oleh itu MPSP perlu membuat perubahan, perlu mengubah paradigma bekerja, cara bekerja dan sikap juga perlu diubah. Contohnya;

- i Pekerja yang sering datang lewat hendaklah masuk kerja mengikut waktu yang telah ditetapkan.
- ii Kurangkan masa di kantin atau di restoran
- iii Banyak Pekerja am yang hanya kelihatan sebelah pagi sahaja. Apabila sampai sebelah petang, mereka tidak kelihatan.

Untuk mencapai perubahan ini Pegawai di peringkat penyeliaan seperti PKA, IK, IK Kanan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Kanan di semua jabatan yang bertanggungjawab memantau kerja perlu menjalankan tugas memantau, menegur dan membetulkan ketidakpatuhan yang berlaku. Jangan hanya menghantar laporan berbunga dan indah tetapi sebenar hasil kerja adalah tidak memuaskan. Saya menyeru kepada semua penyelia, Ketua Jabatan mesti bertindak melakukan perubahan dengan segera.

MPSP sedang memperkembangkan Smart Monitoring System dan perhubungan dengan stakeholder melalui MPSP watch & better Penang Apps. Sekiranya

pemantauan masih di tahap lama, pengurusan tidak teragak-agak untuk mengarahkan Pegawai Kanan melakukan kerja-kerja biasa dan pemantauan dilakukan oleh pihak ketiga yang bukan dari pekerja majlis.

Semua kakitangan harus ingat bahawa gaji yang diperolehi adalah hasil daripada bayaran yang diterima oleh orang awam ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh MPSP. Jika dalam menjalankan tugas kita melengah-lengahkan kelulusan atau menangguh serta kelewatan dalam memproses permohonan orang awam, tidak mustahil suatu hari nanti MPSP tidak mempunyai peruntukan untuk menjelaskan gaji kakitangan. Kakitangan juga harus berfikir secara kreatif bagaimana untuk mempercepatkan proses kerja. Bidang IT telah terbukti dalam membantu mempercepatkan proses kerja dan capian maklumat yang cepat dan tepat. Proses kerja yang telah lapuk haruslah dikemaskini dari semasa ke semasa. Ketirisan hasil dari pelbagai sudut perlu dilihat supaya tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan atas kelemahan yang wujud jika ada di pihak MPSP. Pemantauan yang berkesan haruslah dititikberatkan. Semua kakitangan MPSP sebenarnya merupakan mata dan telinga MPSP. Setiap kakitangan perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam melaporkan serta menyemak dengan jabatan berkaitan atas sebarang perubahan yang berlaku di kawasan/tempat tinggal masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada 5 Jun yang lalu, kita telah mendapat Persijilan Pejabat Hijau daripada Penang Green Council. Saya berharap semua kakitangan boleh lebih bersungguh-sungguh mempraktikkan amalan-amalan hijau di pejabat. Budaya ini perlu diteruskan bukan sahaja di pejabat tetapi juga di rumah kerana kita sebagai sebuah PBT menggunakan kos yang tinggi dalam pengurusan sisa pepejal. Peruntukan untuk pengurusan sisa pepejal bagi tahun ini adalah sebanyak RM 65 juta. Amalan ini akan akhirnya dapat memelihara alam sekitar.

Pada 5 Julai yang lalu, MPSP menerima Berjaya mendapat persijilan OHSAS 18001: 2007. Tujuan MPSP mendapatkan pensijilan ini adalah kerana setiap aktiviti dalam tugas seharian kakitangan MPSP mempunyai potensi risiko pada keselamatan dan kesihatan. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah satu sistem yang boleh membantu dalam mencegah dan mengurangkan risiko berkenaan.

Dasar-dasar yang dipegang oleh MPSP dalam pensijilan OHSAS 18001: 2007 adalah :

- Menyediakan dan memastikan persekitaran kerja, kemudahan, peralatan dan sistem kerja yang selamat dan sihat kepada semua kakitangan, kontraktor, pelanggan, pelawat dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak dengan aktiviti MPSP.
- Mematuhi semua peruntukan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa, tata amalan, industri, piawai dan lain-lain keperluan yang relevan.
- Memastikan konsep penambahbaikan berterusan sentiasa dijadikan amalan di dalam usaha untuk meningkatkan kualiti keselamatan dan kesihatan kakitangan di MPSP.

Tahniah kepada semua yang bertungkus-lumus sehingga MPSP mendapat persijilan ini dimana MPSP merupakan PBT pertama di Semenanjung Malaysia yang mendapat pensijilan tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seperkara lagi yang ingin saya mengingatkan kepada semua kakitangan MPSP supaya menjaga tingkap laku di luar waktu kerja dan jangan menjalankan sebarang aktiviti jenayah yang boleh memudaratkan tuan-tuan dan puan-puan sendiri , malah menjejaskan imej MPSP.

Ingin saya berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan ucapan perasmian TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau untuk penggal pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-13 baru-baru ini, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua memberitahu bahawa *“untuk mencapai status perkhidmatan awam yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa, jentera pentadbiran Kerajaan yang kompeten, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berintegriti amat diperlukan. Disamping, rakyat sebagai pelanggan semakin bijak, matang dan arif tentang hak-hak mereka mempunyai harapan yang tinggi, sentiasa menyampaikan pandangan secara terbuka dan menuntut layanan yang terbaik.”* Justeru, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah meminta supaya kita sebagai penjawat awam sentiasa melaksanakan transformasi yang sejajar dengan tuntutan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsive, cekap, tepat, telus dan mesra rakyat. TYT Yang Di-Pertua juga berharap bahawa penjawat awam mesti tegas mempromosikan nilai-nilai tadbir urus yang baik, penuh integriti, kebertanggungjawab awam dan akses kepada maklumat dengan segala daya.

Semoga pada tahun pertengahan kedua tahun 2013 ini, kita dapat memupuk kerjasama yang erat bersama-sama dengan semua pihak termasuklah dengan ahli majlis, sesama rakan sekerja, kontraktor dan tidak lupa juga kepada pelanggan kita iaitu penduduk Seberang Perai.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaim wbth.

Sekian, terima kasih.